

**PENGARUH GAYA KEIBUBAAPAN TERHADAP
STRES AKADEMIK: KECERDASAN EMOSI
SEBAGAI MODERATOR**

ABDUL ADIB ASNAWI



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH
SARJANA PSIKOLOGI**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PENGARUH GAYA KEIBUBAPAAN TERHADAP STRES AKADEMIK:
KECERDASAN EMOSI SEBAGAI MODERATOR**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA (PSIKOLOGI)**

Saya **ABDUL ADIB ASNAWI**, Sesi **2015-2019**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




ABDUL ADIB ASNAWI
MP1511500T

Disahkan Oleh,
NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACLYNE
PUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 8 Julai 2019



(Dr. Laila Wati Madlan @ Endalan)
Penyelia Utama




(Cik Agnes Sombuling)
Penyelia Bersama

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat dan laporan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

28 Jun 2019



Abdul Adib Asnawi

MP1511500T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **ABDUL ADIB ASNAWI**
NO. MATRIK : **MP1511500T**
TAJUK : **PENGARUH GAYA KEIBUBAPAAN TERHADAP
STRES AKADEMIK: KECERDASAN EMOSI
SEBAGAI MODERATOR**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PSIKOLOGI**
TARIKH VIVA : **01 FEBRUARI 2019**

DISAHKAN OLEH

Tandatangan

1. **PENYELIA UTAMA**
Dr. Laila Wati Madlan @ Endalan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. **PENYELIA BERSAMA**
Cik Agnis Sombuling

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah S.A.W, keluarga serta para sahabat baginda. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya saya telah dapat menyiapkan dan menghasilkan tesis sarjana saya yang bertajuk "Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Stres Akademik: Kecerdasan Emosi Sebagai Moderator".

Setinggi penghargaan diucapkan kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Dr Laila Wati Madlan @ Endalan dan Cik Agnis Sombuling atas tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan sokongan yang tidak terhingga sepanjang proses menghasilkan tesis ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih saya khususnya kepada pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penghasilan tesis ini, terutama pihak sekolah yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kutipan data serta pelajar-pelajar yang telah memberi kerjasama dan atas kesudian menyertai kajian ini.

Jutaaan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya iaitu Asong, Mariani, Ahmad, Allya, Janice, Melissa, Lineker, Celestina, Kon Sze Lei, Farah, Azim dan Tracy yang tidak pernah jemu membantu dan sentiasa memberi sokongan, idea dan komen kepada saya dalam usaha menghasilkan tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dr Norzihan, Encik Azahar, Puan Norlizah dan Encik Aminuddin kerana telah banyak membantu dari pelbagai aspek sepanjang saya belajar di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang teristimewa khas buat kedua ibu bapa tercinta iaitu Shamsiah Binti Abdul Samad dan Asnawi Bin Saleh atas doa dan galakan yang diberikan serta kepada seluruh ahli keluarga saya terutama adik saya Siti Aminah Binti Asnawi yang sentiasa membantu saya dalam pelbagai hal. Semoga jasa baik kalian diredhai oleh Allah S.W.T. Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah S.W.T dan buruk itu datangnya dari kekhilafan diri saya sendiri.

Sekian.

Abdul Adib Asnawi

28 Jun 2019

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh gaya keibubapaan (autoritarian, autoritatif dan permisif) terhadap stres akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini turut mengkaji kecerdasan emosi sebagai moderator dalam hubungan antara gaya keibubapaan dengan stres akademik. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik dalam mengumpulkan data. Seramai 533 orang pelajar tingkatan empat dari enam buah sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah telah terpilih menjadi responden dalam kajian ini dengan menggunakan pensampelan rawak mudah. Satu set borang soal selidik telah digunakan, terdiri daripada *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) untuk mengukur gaya keibubapaan, *Academic Stress Scale* (ASS) untuk mengukur stres akademik dan *the Assessing Emotions Scale* (AES) untuk mengukur kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar. Data yang diperoleh dianalisis mengikut susunan hipotesis dengan menggunakan dua jenis ujian iaitu ujian regresi pelbagai metod *stepwise* dan ujian regresi hierarki dengan menggunakan perisian IBM *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 24. Hasil keputusan menunjukkan gaya keibubapaan autoritarian memberi pengaruh secara signifikan dan positif kepada stres akademik dalam kalangan pelajar dengan nilai sumbangan sebanyak 1.2 peratus *varians*. Meskipun nilai sumbangan *varians* adalah kecil, gaya keibubapaan autoritarian masih memberi kesan kepada stres akademik pelajar. Sebaliknya, gaya keibubapaan autoritatif dan permisif pula tidak memberi pengaruh secara signifikan kepada stres akademik pelajar. Manakala, hasil analisis ujian regresi hierarki pula menunjukkan bahawa kecerdasan emosi tidak bertindak sebagai moderator dalam ketiga-tiga gaya keibubapaan terhadap stres akademik dalam kalangan pelajar. Implikasinya, hasil dapatan kajian ini amat berguna khususnya kepada golongan ibu bapa dalam mengaplikasikan gaya keibubapaan yang sesuai terutama apabila menyentuh berkaitan akademik anak-anak kerana pendekatan yang kurang sesuai akan memberi kesan jangka panjang kepada psikologi pelajar.

Kata kunci: Gaya Keibubapaan, Stres Akademik, Kecerdasan Emosi dan Pelajar Sekolah Menengah.

ABSTRACT

THE EFFECT OF PARENTING STYLE TOWARDS ACADEMIC STRESS: EMOTIONAL INTELLIGENCE AS MODERATOR

This study aims to examine the influence of parenting style (authoritarian, authoritative and permissive) and academic stress among secondary school students. In addition, this study also investigates emotional intelligence as a moderator in the relationship between parenting styles and academic stress. This is a quantitative study by using survey method through a questionnaire to collect data. A total of 533 form four students from six schools around the district of Kota Kinabalu, Sabah were selected as respondents by using a simple random sampling method. A set of questionnaire which consisting of Parental Authority Questionnaire (PAQ) to measure the parenting styles, the Academic Stress Scale (ASS) to measure academic stress and the Assessing Emotional Scale (AES) to measure emotional intelligence among students. The data obtained were analyzed based on the hypotheses by using two types of tests which are stepwise method regression test and hierarchical regression test by using IBM Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 24. Results showed that the authoritarian parenting style significantly and positively affects academic stress among students with a contribution of 1.2 percent variance. Although the value of the variance contribution was relatively small, authoritarian parenting style plays a crucial role in student's academic stress. On the contrary, authoritative and permissive parenting styles did not significantly affect students' academic stress. Meanwhile, hierarchical regression test analysis showed that emotional intelligence does not act as moderator for all three parenting styles towards academic stress among students. Result highlighted that the findings of this study are particularly useful for parents in applying the appropriate parenting style, especially when it comes to the academic of children because the inappropriate approach will have long-term impact on student psychology.

Keywords: Parenting Style, Academic Stress, Emotional Intelligence and Secondary School Students

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GRAF	xiii
SENARAI SINGKATAN / SIMBOL	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Tujuan Kajian	12
1.6 Kesignifikanan Kajian	12
1.7 Rumusan	15
BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Pendekatan Teori	17
2.2.1 Model Transaksional Stres	17
2.2.2 Teori Gaya Keibubapaan	20
2.2.3 Teori Kecerdasan Emosi	23
2.3 Sorotan Kajian Lepas	27
2.3.1 Kajian Gaya Keibubapaan dengan Stres Akademik	27
2.3.2 Kajian Kecerdasan Emosi dengan Stres Akademik	34
2.3.3 Kajian Kecerdasan Emosi sebagai Moderator	38
2.4 Kerangka Konsep Kajian	42
2.5 Definisi Konsep dan Operasi	43
2.5.1 Gaya Keibubapaan	43
2.5.2 Stres Akademik	44
2.5.3 Kecerdasan Emosi	45
2.5.4 Pelajar	46
2.6 Hipotesis Kajian	46
2.7 Rumusan	47
BAB 3: METODOLOGI	
3.1 Pendahuluan	48
3.2 Reka Bentuk Kajian	48

3.3 Lokasi Kajian	49
3.4 Sampel Kajian	50
3.5 Instrumen Kajian	53
3.6 Prosedur Kajian	57
3.6.1 Kajian Rintis	58
3.6.2 Kajian Sebenar	59
3.7 Ciri Psikometrik Instrumen Kajian	62
3.7.1 Kebolehpercayaan	62
3.7.2 Kesahan	64
3.8 Analisis Data	69
3.9 Rumusan	70

BAB 4: KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	71
4.2 Keputusan Analisis Deskriptif	71
4.2.1 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden	71
4.3 Pengujian Syarat bagi Analisis Regresi	73
4.3.1 Nilai Ekstrem (Outliers)	73
4.3.2 Normaliti Data	74
4.3.3 Kolineariti	76
4.3.4 Durbin-Watson	78
4.4 Keputusan Analisis Inferensi	78
4.4.1 Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Stres Akademik	79
4.4.2 Pengaruh Kecerdasan Emosi Sebagai Moderator dalam Hubungan antara Gaya Keibubapaan dengan Stres Akademik	80
4.5 Rumusan	86

BAB 5: PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan	87
5.2 Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Stres Akademik	87
5.2.1 Pengaruh Gaya Keibubapaan Autoritarian Terhadap Stres Akademik	88
5.2.2 Pengaruh Gaya Keibubapaan Autoritatif Terhadap Stres Akademik	95
5.2.3 Pengaruh Gaya Keibubapaan Permisif Terhadap Stres Akademik	100
5.3 Pengaruh Kecerdasan Emosi sebagai Moderator dalam Hubungan antara Gaya Keibubapaan dengan Stres Akademik	105
5.4 Rumusan	111

BAB 6: KESIMPULAN

6.1 Pendahuluan	113
6.2 Ringkasan Keputusan dan Rumusan Kajian	113
6.2.1 Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Stres Akademik	113
6.2.2 Pengaruh Kecerdasan Emosi sebagai Moderator dalam Hubungan antara Gaya Keibubapaan dengan Stres Akademik	114

	Akademik	
6.3	Implikasi Kajian	114
6.3.1	Implikasi Teoretikal	114
6.3.2	Implikasi Praktikal	117
6.3.3	Implikasi Metodologi	119
6.4	Limitasi dan Saranan Kajian	120
6.5	Rumusan	122

**RUJUKAN
LAMPIRAN**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Saiz sampel	53
Jadual 3.2	Domain berserta item dalam <i>Parental Authority Questionnaire</i> (PAQ)	54
Jadual 3.3	Domain berserta item dalam <i>Academic Stress Scale</i> (ASS)	55
Jadual 3.4	Domain Berserta item dalam <i>The Assessing Emotional Scale</i> (AES)	57
Jadual 3.5	Kebolehpercayaan bagi instrumen kajian <i>Parental Authority Questionnaire</i> (PAQ)	63
Jadual 3.6	Kebolehpercayaan bagi instrumen kajian <i>Academic Stress Scale</i> (ASS)	63
Jadual 3.7	Kebolehpercayaan bagi instrumen kajian <i>The Assessing Emotional Scale</i> (AES)	64
Jadual 3.8	Tahap kesahan	65
Jadual 3.9	Kesahan konvergen (inter-korelasi) antara domain <i>Parental Authority Questionnaire</i> (PAQ)	66
Jadual 3.10	Kesahan konvergen (inter-korelasi) antara domain <i>The Assessing Emotional Scale</i> (AES)	67
Jadual 3.11	Kesahan diskriminan antara domain	69
Jadual 3.12	Jenis analisis yang digunakan berdasarkan kepada hipotesis kajian	69
Jadual 4.1	Profil status sosiodemografi responden mengikut sekolah, aliran, jantina, agama, etnik dan pendapatan ibu bapa	72
Jadual 4.2	Analisis nilai ekstrem bagi pemboleh ubah – pemboleh ubah kajian	74
Jadual 4.3	Nilai <i>skewness</i> dan <i>kurtosis</i> autoritarian, autoritatif dan permisif	75
Jadual 4.4	Nilai <i>skewness</i> dan <i>kurtosis</i> stres akademik	75
Jadual 4.5	Nilai <i>skewness</i> dan <i>kurtosis</i> kecerdasan emosi	76
Jadual 4.6	Analisis kolineariti dan multikolineariti bagi hubungan antara gaya keibubapaan, kecerdasan emosi dan stres akademik	77
Jadual 4.7	Analisis statistik Durbin-Watson dalam setiap analisis moderator	78
Jadual 4.8	Pengaruh gaya keibubapaan (autoritarian, autoritatif dan permisif) terhadap stres akademik	79
Jadual 4.9	Pengaruh kecerdasan emosi sebagai moderator dalam hubungan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan stres akademik	80
Jadual 4.10	Pengaruh kecerdasan emosi sebagai moderator dalam hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan stres akademik	82
Jadual 4.11	Pengaruh kecerdasan emosi sebagai moderator dalam hubungan antara gaya keibubapaan permisif dengan stres akademik	84



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Model Transaksional Stres Lazarus dan Folkman	20
Rajah 2.2	Model Gaya Keibubapaan Baumrind	23
Rajah 2.3	Model Kecerdasan Emosi Mayer dan Salovey	27
Rajah 2.4	Pengaruh kecerdasan emosi sebagai moderator dalam hubungan antara gaya keibubapaan dengan stres akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah	43
Rajah 3.1	Prosedur kajian	61



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GRAF

	Halaman
Graf 4.1 Pengaruh kecerdasan emosi sebagai moderator dalam hubungan antara gaya keibubapaan authoritarian dengan stres akademik	81
Graf 4.2 Pengaruh kecerdasan emosi sebagai moderator dalam hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan stres akademik	83
Graf 4.3 Pengaruh kecerdasan emosi sebagai moderator dalam hubungan antara gaya keibubapaan permisif dengan stres akademik	85



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Artikel	147
Lampiran B : Soal Selidik	176
Lampiran C : Surat Kebenaran	187
Lampiran D : Rajah Taburan	190



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada lima bahagian yang menerangkan mengenai pengenalan bagi keseluruhan kajian ini. Bahagian-bahagian yang terkandung dalam bab ini termasuklah latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, tujuan kajian dan kesignifikanan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Keadaan dunia yang semakin maju dan manusia yang mengejar kemodenan telah mengubah banyak aspek dalam kehidupan manusia jika dibandingkan dengan kehidupan suatu masa dahulu. Perubahan yang berlaku pada hari ini merupakan satu cabaran yang besar, yang bukan sahaja memberi impak kepada nilai kehidupan manusia serta mengubah rutin harian, bahkan tanpa disedari turut memberi implikasi yang cukup besar dalam aspek psikologi manusia khususnya dalam kalangan remaja atau pelajar sekolah. Tambahan juga, menjelang tahun 2020 bilangan remaja di Malaysia akan meningkat sehingga 20 peratus daripada jumlah penduduk (Badruzaman, 2006). Justeru itu, masalah dan krisis mereka harus menjadi perhatian dan kebimbangan kepada semua pihak kerana merekalah yang akan menjadi pelapis dan bakal memimpin negara kita di masa akan datang.

Salah satu daripada permasalahan atau isu yang berkaitan dengan remaja di Malaysia pada hari ini adalah mengenai masalah stres. Stres dilihat sebagai satu proses emosi, kognitif, tingkah laku dan psikologi negatif yang berlaku apabila seseorang cuba untuk menyesuaikan diri atau menangani sumber stres yang dihadapi (Bernstein, Penner, Stewart, dan Roy, 2008). Stres juga turut dikonsepsikan sebagai satu tindak balas badan yang tidak spesifik, bersifat semula jadi dan satu

reaksi yang wajar sehinggalah terkumpul dan mencapai satu tahap yang mana individu tidak dapat menanganinya dan mengakibatkan reaksi yang luar biasa dan tidak rasional (Lazarus dan Folkman, 1984; Alsop dan McCaffrey dalam Abdul Ghani, Ngang dan Aziah, 2006; Auerbach dan Grambling, 1998).

Berdasarkan hasil penelitian yang telah dijalankan pada tahun 2012 dan 2017 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ke atas pelajar sekolah menengah, menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan simptom-simptom stres dalam kalangan pelajar sekolah yang berusia 13 hingga 17 tahun di beberapa negeri seperti Selangor, Sabah, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2018). Hasil dapatan ini juga selari dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menganggarkan sekitar 20 peratus remaja di dunia mengalami masalah kesihatan mental yang berpunca daripada pelbagai sebab yang berkaitan dengan stres (World Health Organization, 18 September 2018) dan masalah kesihatan mental ini dilihat terus meningkat saban tahun (Utusan Online, 28 Januari 2016).

Golongan pelajar sekolah merupakan golongan yang mudah untuk terdedah kepada stres. Antara stres yang sering dialami oleh mereka adalah stres akademik (Sarita, 2015; Deb, Strodl, dan Sun, 2014). Stres akademik dijelaskan sebagai ketegangan mental atau fizikal yang terhasil daripada tuntutan penyesuaian atau cabaran yang mana pelajar belajar untuk mendapatkan kelebihan daripada bidang yang dipelajari (Jha, 2004). Selain itu, stres akademik juga turut meliputi persepsi pelajar mengenai bidang ilmu yang luas yang mereka perlu kuasai dan turut mengambil kira persepsi pelajar mengenai ketidakcukupan masa untuk menguasai dan memperkembangkannya (Carvest, Gesse, dan Moss, 1996). Manakala, Kaur (2014) mendefinisikan stres akademik adalah disebabkan oleh lebihan kerja, peperiksaan, akademik atau kandungan dalam kelas tertentu yang melebihi kapasiti dan keupayaan seseorang pelajar.

Meskipun ada kalanya stres akademik mampu memberi kesan positif (*eustress*) kepada pelajar seperti memberi dorongan motivasi untuk berjaya, namun pada hari ini, stres akademik dilihat lebih menyumbang ke arah pembentukan kesan

negatif (*distress*) kepada golongan pelajar. Sebagai contoh kesan negatif daripada stres akademik adalah terdedah kepada aktiviti-aktiviti kurang sihat seperti ponteng sekolah, terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan alkohol, bertingkah laku delinkuen (Melati dan Mariani, 1998), serta membawa kepada kemurungan dan idea untuk membunuh diri (Madnani dan Pradhan, 2015).

Sementara faktor-faktor yang membawa kepada stres akademik dalam kalangan pelajar pula dikatakan ketika mereka mengambil atau belajar untuk peperiksaan dan persaingan gred serta banyaknya kandungan yang perlu dikuasai dalam jumlah masa yang singkat (Kaur, 2014; Abouserie, 1994; Sarita, 2015; Kohn dan Frazer, 1986). Kesemua ini disebabkan oleh keinginan pelajar untuk mencapai prestasi akademik yang tinggi, yang akhirnya menjadi punca stres kritikal kepada pelajar itu sendiri kerana mereka mempunyai jangkaan yang tinggi untuk berjaya dalam akademik (Misra, Crist, dan Burant, 2003). Hal ini secara tidak langsung mencipta masalah akademik dalam kalangan pelajar (Marion, 1986; Orpeza, Fitzgibbon, dan Baron, 1991) dan seterusnya membawa kepada peningkatan stres akademik (Prabu, 2015; Deb *dll.*, 2014).

Stres akademik di negara-negara Asia Timur dalam kalangan remaja juga dikatakan berkemungkinan tinggi disebabkan permintaan kejayaan akademik daripada keluarga dan budaya. Khususnya dalam konteks Asia, stres akademik timbul daripada jangkaan diri remaja itu sendiri dan orang lain (seperti ibu bapa dan guru) adalah suatu yang ketara. Misalnya, pencapaian akademik merupakan satu aspek yang sangat penting kerana ia dilihat sebagai peluang untuk meningkatkan taraf kehidupan dan memberi lebih banyak peluang di masa hadapan. Maka dengan itu, kejayaan akademik sangat ditekankan oleh individu dan keluarga (Gloria dan Ho, 2003; Su dan Okazaki, 1990). Sekiranya tidak mencapai jangkaan diri sendiri dan jangkaan seseorang yang signifikan, ia merupakan satu perkara yang serius kerana berpotensi menghasilkan kekecewaan dan merasa malu yang seterusnya membawa kepada hilangnya keyakinan diri dan sokongan daripada keluarga (Yeh dan Huang, 1996). Tambahan juga sejak dari kanak-kanak lagi, mereka telah berhadapan dengan keadaan sosialisasi yang hipersensitif terhadap penilaian orang lain khususnya seseorang yang signifikan seperti ibu bapa (Ang dan Huan, 2006). Justeru itu, tidak

hairanlah sekiranya stres akademik yang dialami oleh pelajar di negara Asia dikatakan adalah tinggi.

Melihat kepada keadaan ini, ibu bapa merupakan orang yang sangat signifikan kepada anak-anak dan ini juga merupakan salah satu punca atau faktor kepada peningkatan stres akademik yang sering dihadapi oleh pelajar (Sarita, 2015). Sikap dan gaya asuhan ibu bapa boleh mempengaruhi perkembangan tingkah laku dan personaliti anak dari peringkat awal kelahiran hinggalah meningkat remaja dan dewasa (Smith dan Krohn, 1995; Khuzaimah, 2001). Bahkan, perbezaan pendekatan gaya keibubapaan yang digunakan membawa kepada perbezaan hasil dan perkembangan anak dari segi tingkah laku, kesejahteraan psikologi, psikososial, kecekapan dan respons terhadap tuntutan persekitaran yang memberi kesan secara langsung dan tidak langsung, sama ada secara positif mahupun negatif terhadap perkembangan anak-anak (Alegre, 2011).

Ringkasnya, gaya keibubapaan dijelaskan sebagai sikap dan tingkah laku yang diamalkan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak (Siegler, Deloache dan Eisenberg, 2010). Menurut pelopor gaya keibubapaan iaitu Diana Baumrind, gaya keibubapaan dapat dijelaskan melalui tiga gaya iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif (Baumrind, 1971). Ketiga-tiga gaya keibubapaan ini adalah berpaksikan kepada dua dimensi asas iaitu responsif ibu bapa (*parental responsiveness*) dan permintaan ibu bapa (*parental demandingness*). Dimensi responsif ibu bapa adalah merujuk kepada kombinasi kasih sayang, asuhan, tanggungjawab dan sokongan daripada ibu bapa terhadap anak. Sementara, dimensi permintaan ibu bapa pula adalah merujuk kepada tahap kawalan, jangkaan dan harapan (permintaan) daripada ibu bapa terhadap anak (Maccoby dan Martin, 1983; Baumrind 1995).

Baumrind (1991) menjelaskan ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan autoritarian mempunyai tahap responsif ibu bapa yang rendah tetapi memiliki permintaan ibu bapa yang tinggi. Manakala, gaya keibubapaan autoritatif pula mempunyai tahap responsif ibu bapa dan permintaan ibu bapa yang seimbang iaitu kedua-duanya adalah tinggi. Sementara itu, gaya keibubapaan permisif pula menekankan tahap responsif ibu bapa yang tinggi tetapi kurang menekankan

permintaan ibu bapa, yang mana gaya keibubapaan ini adalah bertentangan dengan gaya keibubapaan autoritarian.

Hasil penelitian mendapati bahawa anak remaja mudah merasa stres dengan sikap ibu bapa mereka yang terlalu tegas dan keras (*rigid*) serta meletak jangkaan yang terlalu tinggi khususnya yang melibatkan akademik (Hildebrand, 2000). Situasi-situasi psikologi yang kurang menyenangkan yang berlaku disebabkan jangkaan pendidikan daripada ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan ahli keluarga, tekanan daripada ibu bapa berkaitan dengan pencapaian akademik, sistem peperiksaan dan pendidikan masa kini serta bebanan kepada kerja rumah menyebabkan remaja mengalami stres akademik (Sarita, 2015).

Antara isu terkini yang berlaku di Malaysia dan amat berkait rapat dengan isu gaya keibubapaan dan stres akademik adalah kes bunuh diri yang dilakukan oleh seorang pelajar perempuan di Seremban, Negeri Sembilan pada April 2018, yang menjelaskan bahawa mangsa tidak dapat menguasai pelajarannya dan merasa amat tertekan dengan keadaan tersebut serta takut akan mengecewakan ibu bapanya menerusi nota yang ditinggalkan olehnya sebelum membunuh diri. Isu ini dilihat semakin terkesan apabila ibu bapa kepada mangsa didapati turut memasang pengesan GPS di telefon bimbit mangsa dengan alasan untuk memantau pergerakan anaknya (New Straits Times, 4 April 2018). Justeru itu, kebolehan menangani stres akademik amat penting untuk mengekalkan tahap stres yang optimum (Valiente, Fabes, Eisenberg, dan Spinrad, 2004) dalam kalangan pelajar. Hal ini menjadi suatu kemestian agar masalah stres akademik yang dialami oleh pelajar pada hari ini dapat dikurangkan khususnya yang berkaitan dengan gaya keibubapaan, memandangkan ibu bapa merupakan golongan yang signifikan dan mempunyai pengaruhnya yang tersendiri ke atas pelajar.

Salah satu keupayaan yang dimiliki oleh setiap manusia dan dapat membantu menangani stres adalah kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi merupakan satu kecerdasan yang dilihat banyak memberi pengaruh positif ke atas kehidupan manusia khususnya dalam aspek psikologi. Menurut Salovey dan Mayer (1990), kecerdasan emosi ditakrifkan sebagai sub-set kecerdasan sosial yang melibatkan keupayaan

untuk memantau perasaan dan emosi diri sendiri dan orang lain, membezakan emosi di antara mereka, serta menggunakan maklumat tersebut untuk memandu pemikiran (kognisi) dan tindakan mereka. Sementara, Bar-On (1997) pula mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kepelbagaian kebolehan bukan kognitif, kecekapan, dan kemahiran yang mempengaruhi keupayaan seseorang untuk berjaya dalam menghadapi tuntutan dan tekanan dari sekeliling.

Kecerdasan emosi penting khususnya bagi golongan remaja atau pelajar memandangkan golongan ini masih dalam proses perkembangan seperti yang dijelaskan dalam teori Psikososial Erikson (1968), yang mana remaja yang berusia 12 hingga 18 tahun adalah berada di peringkat kelima iaitu fasa penerokaan diri yang dijelaskan sebagai identiti lawan kecelaruan peranan. Di fasa ini, remaja dijelaskan sebagai mengalami perkembangan yang pesat dan pada masa yang sama ketidakseimbangan turut berlaku dari segi fizikal, mental dan emosi sehingga mampu menjejaskan kesejahteraan psikologi remaja. Justeru itulah, kecerdasan emosi dikatakan penting bagi golongan pelajar kerana mereka perlu mahir dalam mengawal dan menguruskan emosi diri sendiri dan orang lain serta kecekapan untuk beradaptasi dalam persekitaran dan suasana baru tanpa merasa stres. Bahkan, seseorang pelajar yang mahir dalam menguruskan emosinya yakni mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi, membantu dirinya untuk tidak membuat tindakan atau bertingkah laku di luar kawalan seperti memukul, bertingkah laku agresif atau mempunyai idea untuk membunuh diri kerana mereka mampu mengawal emosi meskipun dalam keadaan yang tertekan.

Hal ini kerana seseorang yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan lebih maju kerana mereka mampu untuk mempengaruhi fikiran dan tingkah laku mereka ke arah yang lebih positif (Lopes, Salovey dan Straus, 2003) sekali gus mampu menguruskan stres yang dihadapi dengan lebih baik (Chapman dan Clarke, 2003). Maka dengan itu, apabila seseorang pelajar yang menghadapi stres akademik kesan daripada penerimaan gaya keibubapaan, stres akademik yang dialami akan dapat dihadapi atau ditangani dengan lebih baik sekiranya pelajar mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi.

Kesimpulannya, berdasarkan isu yang timbul dan disokong dengan kajian empirikal, pengkaji ingin menguji pengaruh gaya keibubapaan terhadap stres akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan juga menguji pengaruh kecerdasan emosi sebagai moderator dalam hubungan antara gaya keibubapaan dengan stres akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Hal ini kerana menjadi suatu kepentingan untuk menguji ketiga-tiga pemboleh ubah (gaya keibubapaan, stres akademik dan kecerdasan emosi) ini dalam satu kajian yang sama bagi mengetahui gaya keibubapaan yang manakah menyumbang kepada stres akademik dan adakah kecerdasan emosi itu benar-benar sesuai dan berkesan dalam membantu mengurangkan stres akademik yang dialami oleh golongan pelajar sekolah menengah kesan daripada penerimaan gaya keibubapaan yang diaplikasikan oleh ibu bapa.

1.3 Penyataan Masalah

Pada masa kini golongan pelajar dilihat mudah terdedah kepada stres, yang mana sejak di peringkat sekolah rendah lagi telah wujud simptom-simptom kerap yang menunjukkan permintaan dalaman dan luaran berinteraksi secara negatif dan mempengaruhi prestasi serta pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah (Segredo, Veloso dan Rodriguez, 2004; Caldera, Pulido dan Martinez, 2007) sehingga menyebabkan berlakunya stres akademik (Sarita, 2015; Kaur, 2014; Prabu, 2015). Melihat kepada permasalahan yang dihadapi oleh pelajar hari ini, ia merupakan satu masalah yang tidak boleh dipandang mudah dan diambil ringan.

Keadaan ini dilihat semakin membimbangkan apabila statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan bahawa masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah semakin meruncing, yang mana pada tahun 2011 nisbah pelajar yang menghadapi masalah kesihatan mental adalah 1:10 orang dan pada tahun 2016 nisbah tersebut meningkat kepada 1:5 orang (Malaysian Healthcare Performance Unit, 2017). Berdasarkan nisbah tersebut, berlaku peningkatan sebanyak 50 peratus dari tahun 2011 kepada 2016. Secara terperinci pula, seramai 2.4 juta daripada 14.4 juta remaja di Malaysia yang berusia 16 tahun ke atas adalah menderitanya berkaitan isu mental berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Muhammad Saiful Bahri *dll.*,

2011; New Straits Times Online, 26 September 2016) dan masalah ini sangat signifikan dengan masalah stres yang sering dihadapi oleh golongan pelajar khususnya yang berkaitan dengan stres akademik (Kaur, 2014; Deb *dll.*, 2014; Muhammad Saiful Bahri *dll.*, 2011; Suzaily *dll.*, 2013).

Hal ini diperkukuhkan lagi melalui dapatan yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Penyelidikan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Malaysia yang melaporkan data berkaitan dengan simptom-simptom stres dalam kalangan remaja Malaysia berusia 13 hingga 17 tahun yang dilakukan pada tahun 2012 dan 2017 menunjukkan bahawa berlaku peningkatan simptom stres dalam kalangan pelajar sekolah menengah (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2018). Antara tiga negeri teratas yang mencatatkan simptom-simptom stres yang tertinggi adalah negeri Selangor yang mencatatkan pada tahun 2012 sebanyak 34,861 orang pelajar meningkat pada tahun 2017 kepada 47,393 orang pelajar. Begitu juga bagi negeri Sabah yang mencatatkan pada tahun 2012 seramai 23,165 orang pelajar kepada 23,427 orang pelajar pada tahun 2017 dan negeri Johor pada tahun 2012 seramai 20,738 orang pelajar meningkat kepada 25,206 orang pelajar (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2018). Berdasarkan prevalens sumber stres pula menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah melaporkan mempunyai tahap stres yang tinggi iaitu sebanyak 35 peratus bagi stres akademik dan mempunyai tahap stres yang sangat tinggi iaitu sebanyak 37 peratus bagi kebimbangan terhadap peperiksaan (Prabu, 2015).

Keadaan ini dilihat semakin serius apabila wujudnya beberapa isu berkaitan stres akademik di Malaysia. Sebagai contoh, kes bunuh diri yang berlaku pada tahun 2018, yang mana seorang remaja perempuan membunuh diri dengan terjun daripada bangunan akibat tidak mampu menangani stres akademik yang dihadapi olehnya (New Straits Times, 4 April 2018). Isu yang sama turut berlaku pada tahun 2015 yang dilakukan oleh seorang pelajar lelaki yang sedang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), yang mana mangsa telah menggantung dirinya apabila mangsa tidak mampu untuk menjawab soalan matematik tambahan (MStar, 27 November 2015). Kesemua ini cukup menunjukkan bahawa masalah stres akademik dalam kalangan pelajar sekolah pada hari ini semakin serius.

Meskipun begitu, kajian yang memberi fokus kepada stres akademik adalah masih kurang dan agak terhad khususnya di Malaysia, walaupun kita mengetahui bahawa perkara ini berlaku. Walaupun ada beberapa kajian yang mengkaji mengenai stres akademik, kebanyakan respondennya adalah dalam kalangan pelajar universiti (seperti Akgun dan Ciarrochi, 2014; Chambel dan Curren, 2005; Misra dan Castillo, 2004; Misra *dll.*, 2003; Yumba, 2010; Nandamuri dan Gowthami, 2011; Rafidah, Azizah, Norzaidi, Chong, Intan Salwani, Noraini, 2009), dan kurang menumpukan perhatian kepada pelajar sekolah menengah (Xiao, 2013; Muhamad Saiful Bahari, 2010). Maka, menjadi satu kepentingan untuk mengkaji berkaitan stres akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah kerana stres merupakan punca awal kepada berlakunya masalah kesihatan mental dan seterusnya menyumbang kepada pelbagai kesan negatif seperti peningkatan isu bunuh diri dalam kalangan remaja dan sebagainya.

Selanjutnya, stres akademik tidak akan berlaku sekiranya tidak wujud faktor atau punca yang menyumbang kepada berlakunya perkara ini. Ibu bapa merupakan orang yang paling hampir dan signifikan dengan pelajar (Lin dan Lian, 2010, 2011). Justeru itu, ibu bapa dilihat secara tidak langsung memberi pengaruh kepada kehidupan pelajar termasuklah terhadap stres akademik yang dialami oleh golongan ini, yang mana ia boleh dilihat melalui pendekatan gaya keibubapaan yang diaplikasikan di rumah (Madnani dan Pradhan, 2015; Sarita, 2015). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian yang dilakukan sebelum ini hanya memberi fokus kepada rumah (Intan Hashimah, 2007; Tajularipin *dll.*, 2009; Yamamoto dan Davis, 1982) dan keluarga (Melati dan Mariani, 1998; Tajularipin *dll.*, 2009; LaRue dan Herrman, 2008; Cheng *dll.*, 1993) yang menjadi faktor kepada stres umum dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Adapun pengkaji (seperti Kanmani, 2013; Lin dan Lian, 2010) yang mengkaji secara spesifik mengenai gaya keibubapaan, namun ia dikaji bersama stres umum dan bukannya terhadap stres akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan masih wujud kekosongan atau lompang yang perlu diisi, dan kajian berkaitan dengannya adalah penting